



KAMARIAH bersama kucing kesayangan di kafe.



PENUNJUNG bernesra dengan kucing di Cat Walk Studio.



PELANGGAN yang mengunjungi kafe kucing di Cat Walk Studio, Ayer Keroh.

Tarikan kafe kucing

■ Pemilik bersantai sambil tunggu haiwan siap didandan

Shaiffulazhar Misri
am@hmetro.com.my

Melaka

Menjamu selera sambil bermanja dengan kucing di Kafe Kucing Cat Walk Studio di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, di sini, pastinya satu pengalaman menarik buat peminat haiwan berkenaan.

Pemilik kafe, Kamariah Jaafar, 57 berkata, premis itu bukan saja sesuai untuk peminat kucing bersantai malah menyediakan perkhidmatan hotel kucing, dandan dan jualan pelbagai produk bagi keperluan haiwan peliharaan itu.

Katanya, dia membuka

kafe kucing yang popular di luar negara kerana tidak mahu pelanggan membuang masa tanpa membuat apa-apa sementara menunggu kucing mereka siap didandan.

"Tiga tahun lalu saya dan keluarga buka kedai haiwan di lokasi berhampiran, kasihan apabila tengok pemilik kucing tunggu lama. Jadi dengan konsep kafe ini mereka boleh makan dan minum sambil berkongsi pengalaman menjaga haiwan peliharaan masing-masing.

"Kafe ini mempunyai ruang khas untuk pengunjung bermain dengan kucing seperti British Short Hair, Mushkin, Maine Coon, Parsi, Bengal, Cornish Rex dan kucing baka tempatan (domestik).

"Bagi mengelakkan pengunjung cepat jemu kucing berkenaan ditukar setiap hari mengikut giliran ditetapkan namun atas kekangan ruang kami hadkan 15 orang saja untuk berada dalam ruang itu pada satu-satu masa," katanya.

Kamariah berkata, giliran dilakukan itu bukan saja membolehkan peminat kucing bermanja dengan baka berbeza setiap hari, malah membantu haiwan peliharaan milik keluarganya itu menjadi lebih cergas.

Namun, bagi memastikan kucing berkenaan tidak terkena jangkitan penyakit, pengunjung perlu mencuci tangan supaya anggota badan itu bebas daripada kuman atau hama boleh menjejaskan kesihatan kucing.

Menurutnya, jumlah pengunjung ke kafe itu meningkat setiap hujung minggu dengan sebahagian pelawat kanak-kanak daripada keluarga peminat kucing.

"Kami mengeluarkan modal RM100,000 menghias kafe ini dengan identiti kucing dan kelengkapan kafe," katanya.

Wanita itu berkata, pelanggan boleh memilih sehingga 30 jenis makanan dan lauk dengan menu utama daging salai masak lemak cili padi dan asam pedas daging tetel pada harga berpatutan.

"Pengunjung bercadang bersantai di kafe ini diminta menghubungi kami lebih awal kerana tempat duduk dihadkan kepada lima keluarga saja bagi menjamin pelanggan selesa," katanya.